

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB
[MACHANG]

SOALAN :

YB DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [MACHANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penduduk di Malaysia kini yang terangkum di dalam beberapa kategori miskin dan apakah inisiatif Kerajaan dalam mengurangkan angka tersebut.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kategori miskin yang diguna pakai di Malaysia terbahagi kepada dua iaitu:

- (a) Isi rumah miskin yang merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK), iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi di dalam masyarakat; dan
- (b) Isi rumah miskin tegar yang merujuk kepada isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada PGK makanan, iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi nutrisi makanan yang minimum yang membolehkan setiap ahlinya mempunyai tubuh badan yang sihat.

Berdasarkan kepada Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (PPPIR) 2014, bilangan isi rumah miskin dan miskin tegar di Malaysia adalah seperti berikut:

Statistik Bilangan Isi Rumah Miskin dan Miskin Tegar mengikut Strata, Malaysia, 2014

Negeri	Miskin		Miskin Tegar	
	Luar Bandar	Bandar	Luar Bandar	Bandar
Malaysia	25,400	17,500	3,700	1,800

Sumber: PPPIR 2014

Bagi mengurangkan poket kemiskinan ini, Kerajaan akan meneruskan prinsip dan pendekatan pembangunan secara inklusif sepertimana yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Tumpuan akan terus diberikan untuk meningkatkan penyertaan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40), termasuk isi rumah miskin tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi dalam aktiviti ekonomi. Inisiatif utama termasuk:

- **Pertama: Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan membesarkan saiz masyarakat kelas menengah; mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40; memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan; dan
- **Kedua: Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang.

Sekian. Terima kasih.